

Dengan kadar penembusan jalur lebar yang meluas di kawasan luar bandar, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai promosi dan penggalakan bagi penggunaan jalur lebar dan telah memberikan hasil seperti berikut:

1. Peningkatan sosio ekonomi rakyat apabila telah ramai usahawan atas talian telah diwujudkan seperti pengusaha rumpai laut di Kunak Sabah yang menerima pelbagai anugerah di peringkat antarabangsa. Dengan penggunaan kemudahan jalur lebar, dijangkakan produktiviti dapat ditingkatkan sehingga 10% manakala jumlah eksport meningkat sebanyak dua kali ganda;
2. Merapatkan jurang digital di antara penduduk luar bandar dan bandar. Hari ini penduduk luar bandar juga sudah menikmati perkhidmatan jalur lebar; dan
3. Perniagaan atas talian sudah dapat digunakan oleh penduduk luar bandar dengan kemudahan jalur lebar bagi memasarkan produk mereka melalui lawan web. Kerajaan juga telah memberikan bantuan sebanyak RM1000 melalui program *Get Malaysian Business Online* (GMBO) bagi setiap usahawan SME yang menggunakan perniagaan atas talian.